

**NO. SOALAN: 104**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**

**SOALAN :**

**YB Datuk Koh Nai Kwong [ ALOR GAJAH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah semua penerima tajaan JPA dalam dan luar negara wajib berkhidmat dengan negara dan jumlah statistik penerima tajaan yang telah berkhidmat dari tahun 2010 sehingga sekarang mengikut kaum dan jantina.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya semua pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terikat dengan kontrak Perjanjian Biasiswa Persekutuan. Mereka dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan, tertakluk kepada perjanjian yang ditandatangani dan syarat lantikan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

Oleh itu, pemegang biasiswa JPA yang telah tamat pengajian dikehendaki untuk melapor diri dan berusaha mendapatkan pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam atau agensi lain yang dipersetujui oleh Kerajaan dalam tempoh dua belas (12) bulan.

Sekiranya mereka telah berusaha untuk memasuki Perkhidmatan Awam dan tidak ditawarkan sebarang jawatan oleh Kerajaan selepas tempoh dua belas (12) bulan, mereka tidak lagi terikat untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.

Jumlah pelajar tajaan JPA yang menyertai Perkhidmatan Awam dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seramai 14,026 orang. Daripada jumlah tersebut, 4,701 adalah lelaki dan 9,325 orang adalah wanita.

Sekian. Terima kasih.